

PENILAIAN KELAYAKAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN BERDASARKAN HAD KIFAYAH

Abdul Rahman Talib¹ & Hasan Ahmad²

^{1&2}Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
26000 Pekan

Corresponding author: rahman@muip.gov.my

ABSTRAK

Had kifayah adalah satu ukuran kecukupan seseorang untuk menanggung perbelanjaan bagi keperluan asas diri dan tanggungannya. Keperluan asas yang menjadi keperluan asasi bagi setiap individu mengambil kira maqasid al syariah bagi memelihara masalah *hifz din* (memelihara agama), *hifz aql* (memelihara akal), *hifz nafs* (memelihara nyawa), *hifz mal* (memelihara harga) dan *hifz nasl* (memelihara keturunan). Elemen atau item bagi pengukuran Had Kifayah asnaf fakir dan miskin ialah keperluan makanan, kediaman, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan (JAWHAR, 2009). Penggunaan kaedah Had Kifayah dalam menentukan keperluan secara daruriyyah bagi setiap individu adalah kaedah bagi memastikan hanya yang layak sahaja menerima zakat dan tidak ada asnaf yang sepatutnya mendapat agihan zakat akan tercicir. Ketidak seragaman dalam penentuan kadar dan penilaian Had Kifayah ini juga disebabkan oleh penggunaan metode dan agensi penyelidikan yang berbeza dalam membuat kajian dan penyelidikan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Agensi Mengurus Zakat Negeri (AMZ). Kaedah yang diguna pakai dalam kajian Had Kifayah adalah berdasarkan kepada keperluan asasi secara sederhana atau daruriyyah dan hajiyyah. Metod kajian dan penilaian Had Kifayah dan pengukuran miskin dan miskin tegar yang digunakan oleh MAIN adalah berbeza dengan yang digunapakai oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Katakunci : Had Kifayah, Maqasid Syariah, Fakir dan Miskin, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ))

ABSTRACT

Kifayah limit is a measure of the adequacy of a person to incur expenses for his or her basic needs and dependents. The basic necessities which are the basic needs of each individual are to take into account of the maqasid al syariah to preserve the masalah hifz din (preservation of religion), hifz aql (preservation of intellect), hifz nafs (preservation of soul), hifz mal (preservation of property) and hifz nasl (preservation of lineage). Elements or items for the measurement of Kifayah are food, home, clothing, medicine, education and transportation (JAWHAR, 2009). The use of Kifayah's Limit method in determining the

necessity of daruriyyah for each individual is a method to ensure only those who are eligible to receive zakat distribution especially the asnaf category of the needy without exception. The inuniformity in determining rates of the Kifayah Limit is also due to different methods used in research by research agencies and the Islamic State Council (MAIN) or Zakat State Management Agency (AMZ). The method used in the Kifayah Limit study is based on the moderated basic needs of daruriyyah and hajiyyah. The Kifayah Limit in the evaluation method of the poor and hardcore poor is different from that adopted by the Economic Planning Unit (EPU) which is based on Linear Line Poverty Income (PGK).

1.0 PENDAHULUAN

Penentuan golongan asnaf yang layak untuk menerima zakat adalah merupakan ketetapan Allah SWT sebagaimana dalam surah at Taubah ayat 60 :

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغُرْمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

Lapan asnaf ini adalah merupakan golongan yang diagihkan bahagian zakat sejak zaman Rasulullah SAW sehingga sekarang, dimana Majlis Agama Islam Negeri atau Lembaga Zakat adalah sebagai pihak mengurus dan mentadbir zakat menurut perundangan Islam di Malaysia. Menurut Dr. Rif'at (2002), perkataan "Innama" dalam ayat tersebut telah menunjukkan pengkhususan dalam menentukan golongan yang layak untuk diagihkan zakat dan terdapat pembatasan secara mutlak. Oleh itu, golongan yang layak dan berhak terhadap zakat terbatas dalam lingkungan golongan yang lapan sahaja. Ini bertujuan bagi menghalang golongan yang tamak dan berkuasa untuk mengagihkan zakat secara sewenang-wenang atau menurut hawa nafsu. Ia juga bagi menjamin golongan yang

memerlukan mendapat hak yang sewajarnya. Penegasan ini sebagai yang berlaku kepada Rasulullah SAW menurut riwayat Ahmad dari Abu Dawud dari Ziyad bin Harith al-Shada'i, beliau berkata : “ *Aku datang untuk berbai'ah dengan Rasulullah SAW, kemudian datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW seraya berkata: berikan kepada aku sebahagian daripada zakat. Maka Rasulullah berkata kepadanya: ‘ Sesungguhnya Allah tidak meredhai keputusan seorang nabi dan manusia lain dalam pembahagian zakat sehinggalah Dia yang menetapkanNya, maka Dia telah membahagikan zakat kepada lapan bahagian (asnaf). Sekiranya kamu termasuk dalam bahagian tersebut, aku akan berikan hak kamu.*”

Oleh itu, dalam membuat penentuan dan ketetapan dalam agihan zakat maka pihak yang melaksanakan tanggungjawab menguruskan zakat hendaklah tidak melanggar batasan yang ditentukan oleh Allah dan Rasul-Nya sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak.

2.0 DEFINISI HAD KIFAYAH

Had Kifayah adalah mekanisme dalam membuat ukuran paras kemiskinan bagi seseorang individu berdasarkan kepada ukuran pendapatan dan tanggungan. *Had al-Kifayah* secara umumnya adalah kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Ia bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkau persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya (Uwais, 2014). Selain itu, had kifayah juga ditakrifkan sebagai kadar asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa (Jawhar, 2009). Manakala al Fanjari (2010), menyatakan had al kifayah adalah perbelanjaan yang perlu untuk memastikan keperluan sara hidup dengan mengambil kira tahap purata kehidupan dalam masyarakat sama ada dari sudut kemakmuran dan kekayaan sesebuah masyarakat. Menurut Hairul Nizam & Siti Norhidayah (2017), had al kifayah adalah garis penentu seseorang itu mempunyai kecukupan dari sudut ekonomi dalam meneruskan kehidupan.

Fatwa di negeri Selangor mendefinisi Had kifayah sebagai: ‘Agihan zakat kepada asnaf dan individu fakir miskin yang perlu menepati kepada keperluan asasi sebenar.’ Sejalan dengan itu, maka institusi zakat wajar mengaplikasikan kaedah ini agar penentuan fakir miskin menjadi lebih tepat dan bantuan zakat lebih terfokus diuruskan. Manakala Fatwa di Negeri Pahang pula mendefinisikan had kifayah adalah kadar kecukupan pendapatan dalam menentukan asnaf fakir dan miskin. Menurut al Fanjari (2010) istilah had kifayah juga diistilahkan sebagai *al-hajah al-asliyyah* (keperluan asasi untuk hidup) dan juga *had al-Ghina* (tahap pengukuran kekayaan). Azman Ab Rahman et.al (2018), mendefinisikan had kifayah ialah had minimum kecukupan dan batas minimum keperluan asasi. Mansor, Hasan et.al (2014), berpendapat *had al-kifayah* ini bukan sekadar tahap yang memenuhi keperluan dalam bentuk mencukupkan kekurangan dalam pendapatan tetapi menjangkau sehingga mencukupkan keperluan hidup yang diperlukan bagi mengembangkan lagi kualiti kehidupan.

Oleh itu, had kifayah boleh diistilahkan sebagai kaedah penentuan pendapatan dan keperluan perbelanjaan minimum bagi seseorang individu dalam Islam. Ini bertujuan supaya zakat dapat memenuhi keperluan sara hidup seseorang untuk hidup dalam keselesaan dan mengelakkan daripada tersalah agih atau memberikan zakat kepada golongan yang tidak layak. Imam Shafie r.a. amat menitik beratkan dalam urusan agihan ini agar tidak berlaku kesilapan sehingga mengagihkan kepada mereka yang bukan di kalangan asnaf sebagaimana ketetapan Allah dan rasul- Nya. Malah menurut ulama mazhab Maliki, Shafi’i dan Hanbali apabila seseorang memberikan zakat kepada seseorang berdasarkan sangkaannya ia adalah asnaf tetapi ternyata ia bukan asnaf kemudiannya maka zakat tersebut tidak sah dan wajib mengambilnya kembali kerana menyerahkan kepada yang layak (Wahbab al Zuhaili, 1995).

Oleh itu, kaedah penggunaan kadar pendapatan dan keperluan untuk penghidupan berdasarkan had kifayah sesuatu yang amat perlu agar zakat dapat diagihkan kepada

golongan yang layak sahaja dan agihan menepati keperluan hidup seseorang individu. Di samping itu, had kifayah selain bertujuan menentukan kelayakan asnaf ia juga bertujuan untuk menentukan kelayakan sebagai pembayar zakat. Menurut Azman A.R. (2014), had kifayah adalah garis pemisah antara mereka yang perlu membayar zakat dan mereka yang berhak menerima zakat.

3.0 TAKRIF ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Konsep kemiskinan terbahagi kepada dua iaitu kemiskinan mutlak dan relatif (UNDP 2015). Kemiskinan mutlak diukur berdasarkan pendapatan dan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Konsep kemiskinan mutlak tidak mengambil kira persoalan kualiti hidup atau ketidakadilan agihan kekayaan dalam masyarakat. Konsep ini menumpukan kepada nasib individu atau isi rumah yang tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas dan bantuan adalah sekadar memenuhi kehendak minimum. Sementara konsep kemiskinan relatif pula melihat hubungan status ekonomi individu dalam masyarakat dalam konteks agihan pendapatan berdasarkan kepada etnik dan kawasan. Keperluan hidup masyarakat di bandar lebih tinggi berbanding dengan masyarakat di luar bandar dan mempunyai jurang pendapatan yang jauh berbeza antara etnik di bandar. Ini menyebabkan kemiskinan di bandar lebih serius berbanding dengan luar bandar dan kadar PGK juga lebih tinggi.

Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah mengkategorikan miskin kepada dua iaitu miskin tegar dan miskin yang diukur berdasarkan kepada purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) tahun 2014. Dimana isi rumah yang berpendapatan RM 870.00 (Semenanjung), RM1,180.00 (Sabah) dan RM 920.00 (Sarawak) dikategorikan sebagai miskin manakala isi rumah yang berpendapatan RM580.00 (Semenanjung), RM 760.00 (Sabah) dan RM 610.00 (Sarawak) dikategorikan sebagai miskin tegar. PGK golongan miskin bagi yang tinggal dibandar pula ialah RM 940.00 (Semenanjung), RM1,160.00 (Sabah),

RM1,040.00 Sarawak dan miskin tegar ialah sebanyak RM 580.00 (Semenanjung), RM 690.00 (Sabah) dan RM 700.00 (Sarawak).

Selain itu, kemiskinan juga didefinisikan sebagai miskin kronik dan miskin sementara. Menurut Rafael dan Machado (2007) kemiskinan kronik adalah kehidupan seseorang individu dalam kemiskinan jangka masa yang panjang. Manakala, kemiskinan sementara adalah kemiskinan yang disebabkan oleh ketidak stabilan pendapatan isi rumah yang berhubungkait dengan keadaan ekonomi semasa. Selain itu terdapat juga kemiskinan "*invisible poor*" iaitu golongan yang berpendapatan tetap tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup seperti makan minum, pakaian, pendidikan, sewa rumah dan sebagainya. Begitu juga terhadap mereka yang diisytiharkan muflis oleh mahkamah juga diistilahkan miskin kerana tidak mempunyai kuasa berbelanja dan menguruskan aset.

Tafsiran dan definisi miskin mempunyai pelbagai konsep dan istilah namun dalam Islam kemiskinan dikategorikan sebagai fakir dan miskin. Menurut Mazhab Syafi'i fakir ialah seseorang yang tidak ada harta atau mata pencarian halal yang boleh membiayai keperluan hidupnya sendiri dan tanggungannya secara sederhana. Manakala miskin pula ialah seseorang yang mempunyai harta atau mata pencarian halal yang boleh membiayai kehidupannya dan tanggungannya secara sederhana tetapi tidak mencukupi. Menurut Imam Ramli (973), fakir ialah seseorang yang mempunyai pendapatan yang kurang dari separuh keperluan hidupnya dan tanggungannya manakala miskin ialah seseorang yang mempunyai pendapatan melebihi separuh dari keperluan hidupnya dan tanggungannya.

Menurut Muhammad A. Shahbudin (1997), fakir dan miskin adalah dua kaum *dhuafa* (daif) yang berbeza tetapi statusnya hampir sama. Kedua-dua golongan *dhuafa* ini tidak mampu menguruskan kehidupan harian mereka kerana ekonomi mereka lemah. Menurut Imam Abu Hanifah fakir ialah orang yang mempunyai paling sedikit harta dan miskin ialah orang yang langsung tidak mempunyai sesuatupun daripada harta. Al-Rafi'i (*t.t*), berpendapat golongan fakir adalah mereka yang tidak memiliki harta berbanding golongan

miskin. Manakala golongan miskin adalah mereka yang mempunyai sedikit harta berbanding dengan golongan fakir. Ini adalah berdasarkan maksud firman Allah SWT:

“Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat”. (Surah al-Kahfi, ayat 79).

Menurut Imam Ghazali r.a. pula, fakir adalah mereka yang tidak mempunyai apa-apa harta dan mengharapkan kepada sesuatu harta untuk hidup. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah dalam surah Muhammad ayat 38 yang bermaksud;

“Dan (ingatlah) Allah Maha kaya (tidak berhajat kepada sesuatupun), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepadanya dalam segala hal)”.

Berdasarkan ayat tersebut, jelas bahawa maksud al Fuqara’ atau fakir yang dinisbahkan kepada manusia ialah makhluk yang tidak memiliki apa-apa harta kecuali semuanya ada milik Allah. Selain itu, miskin juga bermaksud seseorang yang menyembunyikan kesusahannya tanpa meminta-minta daripada sesiapa sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud :

“Daripada Abu Hurairah RA bahwa Rasulullah SAW bersabda “Orang miskin itu bukanlah orang yang berkeliling meminta-minta kepada manusia, lalu ia diberikan sesuap, dua suap, sebuah dan dua buah kurma. Para sahabat bertanya: Kalau begitu, siapakah orang miskin itu, wahai Rasulullah? Rasulullah saw. bersabda: Orang yang tidak menemukan harta yang mencukupinya tapi orang-orang tidak tahu (karena kesabarannya, ia menyembunyikan keadaannya dan tidak meminta-minta kepada orang lain), lalu diberi sedekah tanpa meminta sesuatu pun kepada manusia”.

Menurut Imam Syafii, seseorang yang mempunyai harta seperti kediaman yang sederhana tetap dianggap sebagai fakir atau miskin sekiranya keperluan asasi untuk hidupnya tidak mencukupi. Begitu juga sekiranya ia mempunyai harta yang banyak tetapi tidak dapat

dimanfaatkan kerana jauh atau terdapat halangan daripada menguruskannya dan mendapat manfaat daripada harta tersebut (al-Qardawi, 1986). Oleh itu, ia berhak mendapat daripada agihan zakat bagi keperluan hidupnya sehinggalah ia kembali menjadi seorang yang kaya dan dapat mengurus dan menghasilkan pendapatan daripada hartanya.

4.0 AGENSI AGIHAN DAN SKIM BANTUAN ZAKAT KEPADA ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Agensi Mengurus Zakat (AMZ) di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Zakat Negeri (LZN). Beberapa negeri pentadbiran dan pengurusan zakatnya diuruskan sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri bagi urusan kutipan dan agihan seperti Negeri Kelantan, Terengganu, Perlis, Perak, Sarawak dan Johor. Disamping itu terdapat juga MAIN yang memisahkan pengurusan kutipannya dengan melantik anak syarikat untuk menguruskannya dan mengekalkan agihan di bawah pengurusan MAIN seperti di Wilayah Persekutuan, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka. Di beberapa buah negeri, pengurusan kutipan dan agihan zakatnya ditadbir dan diuruskan oleh anak syarikat korporatnya seperti di Selangor, Pulau Pinang dan Sabah. Negeri Kedah adalah satu-satu negeri yang pentadbiran dan pengurusan zakatnya tidak diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri tetapi diuruskan oleh agensi berasingan yang dikenali sebagai Jabatan Zakat Negeri Kedah kemudiannya ditukar kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah pada tahun 2015.

Walau apapun nama agensi yang menguruskan zakat namun pengurusan zakat di Malaysia diuruskan oleh uli amri iaitu ketua agama negeri sama ada Sultan atau Yang DiPertuan Agong bagi negeri tidak beraja. Ia adalah merupakan hak negeri dalam Jadual ke Sembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, urusan agihan zakat di Malaysia termasuk di negeri Pahang diuruskan mengikut budi bicara pengurusan pihak pentadbir MAIN atau LZN masing-masing. Ini menyebabkan skim agihan tidak seragam sebagaimana skim bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat walaupun terdapat Jabatan

Wakaf, Zakat dan Haji Malaysia (JAWHAR). Ini kerana JAWHAR hanyalah sekadar penyelaras sahaja tanpa mempunyai kuasa dalam urusan zakat.

Skim agihan zakat yang diamalkan di Malaysia tidak jauh berbeza antara negeri, cuma berbeza dari segi nama skim dan kadar bantuan. Semua skim memberikan fokus kepada membantu meringankan kesusahan, menyediakan keperluan makanan dan pakaian, ruang menjana ekonomi, tempat tinggal dan pendidikan anak-anak. Misalnya di Wilayah Persekutuan skim bagi membantu golongan asnaf fakir dan miskin ialah skim Bantuan Bulanan, Bantuan Perniagaan, Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi, Bantuan Pembinaan Rumah, Bantuan Kecemasan, Bantuan Am Pendidikan/ Dermasiswa, Bantuan Ramadhan (Aidilfitri), Bantuan Rawatan Perubatan, Bantuan Perkahwinan, Bantuan Musibah, Bantuan Kursus, Latihan dan Kemahiran. Skim bantuan yang terdapat di Perak ialah skim Bantuan Bulanan, Bantuan Rumah, Bantuan Sewa Rumah, Bantuan Perubatan, Bantuan Aidilfitri, Bantuan Kecemasan, Bantuan Pengurusan Jenazah, Bantuan Perjalanan Domestik, Bantuan Bencana, Bantuan Persekolahan, Bantuan Am Pelajaran (Asnaf Fakir Miskin) dan Program Kursus dan Latihan (Azman, 2015). Manakala di negeri Pahang, skim bantuannya pula ialah skim Bantuan Bulanan, Bantuan Tahunan (Aidilfitri), Bantuan Sara Hidup, Bantuan Perubatan, Bantuan Bina Baru dan Baikpulih Rumah, Bantuan Awal IPT/ Dermasiswa, Bantuan Bencana, Bantuan Segera, Bantuan Modal/ Peralatan dan Program Kursus dan Latihan Kemahiran.

Apabila dibandingkan dengan skim-skim bantuan zakat yang disediakan oleh negeri-negeri untuk asnaf fakir dan miskin maka didapati ia tidak mempunyai perbezaan yang ketara malah terdapat persamaan skim walaupun pelaksanaan dan jumlah bantuan adalah berbeza.

5.0 KRITERIA KELAYAKAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN

MAIN dan AMZ membuat penilaian asnaf dalam menentukan kelayakan untuk agihan zakat telah mengambil kira beberapa kriteria. Antara kriteria yang diguna pakai ialah:

i. Beragama Islam adalah merupakan syarat utama dalam agihan zakat yang diamalkan di Malaysia kecuali terhadap orang bukan Islam bagi bertujuan untuk menjinakkan hati mereka kepada Islam yang dinamakan sebagai asnaf Muallaf menurut pendapat ulama Mazhab Maliki dan Hanbali. Manakala ulama Mazhab Shafii dan Hanafi pula menyatakan bahawa tidak harus memberikan zakat kepada orang kafir sekalipun bertujuan untuk menjinakkan hati kepada Islam kerana hukum keharusan mengagihkan zakat kepada bukan Islam adalah semasa umat Islam sedikit dan tidak kuat seperti yang terdapat pada masa sekarang (Wahbah al Zuhaili, 1995). Oleh itu, sesetengah negeri dalam agihan kepada bukan Islam seperti di negeri Pahang, ia diharuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak dengan menggunakan bahagian harta daripada Baitulmal.

ii. Bermastautin atau penduduk tetap dalam negeri pemohon, syarat ini adalah merupakan kriteria yang diamalkan oleh semua MAIN dan AMZ dalam menentukan kelayakan sebagai penerima bantuan zakat kecuali bagi bantuan kecemasan bagi kes terputus bekalan semasa dalam perjalanan. Disebabkan zakat adalah dibawah bidang kuasa negeri maka setiap negeri mempunyai kawasan pemastautinan dan tidak boleh melampaui sempadan negeri lain dalam kutipan dan agihan. Malah menjadi kesalahan di bawah peruntukan Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri sekiranya mengutip di luar sempadan negeri.

iii. Benar-benar Fakir dan Miskin berdasarkan pemilikan harta, pendapatan dan mampu berusaha. Seseorang yang mempunyai harta dan pekerjaan serta kaya tidak diharuskan untuk diberikan agihan zakat malah haram kecuali bagi asnaf amil dan muallaf. Oleh itu, kaedah menggunakan Had Kifayah dalam membuat pengukuran kelayakan penerima bantuan zakat adalah bertujuan untuk memastikan penerima adalah mereka yang

benar –benar layak dan dikategorikan sebagai fakir dan miskin. Menurut Imam Hanafi, mereka yang mempunyai harta bernilai 200 dirham tidak harus menerima zakat kerana ia termasuk dalam golongan kaya. Imam Shafii pula tidak meletakkan syarat jumlah nilai dalam menentukan kelayakan zakat tetapi berdasarkan kepada kecukupan untuk keperluan asas walaupun ia mempunyai 1000 dirham. Manakala Imam Malik meletakkan syarat kelayakan sebagai fakir dan miskin ialah tidak mempunyai bekalan makanan asasi untuk tempoh satu tahun. Oleh itu, sekiranya ia hanya cukup bekalan makanan untuk tempoh kurang daripada setahun maka ia layak menerima zakat untuk tempoh yang kurang tersebut.

iv. Baligh dan Berakal, menurut Imam Shafii zakat hanya boleh diberikan kepada seorang yang baligh, berakal dan mampu menguruskan harta. Ulama Hanafi juga mensyaratkan zakat tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada tujuh tahun dan orang yang gila atau tidak berakal kecuali kepada penjaganya.

Kriteria bukan keturunan Bani Hashim adalah merupakan salah satu syarat dalam penentuan kelayakan menerima zakat dalam ibadah zakat namun MAIN dan AMZ tidak meletakkannya dalam syarat permohonan bantuan zakat. Kriteria ini terpulang kepada kejujuran pemohon bantuan zakat untuk mengisytiharkan diri sebagai keturunan Bani Hashim atau sebaliknya. Ulama Hanafi, Syafii dan Hambali menyatakan bahawa keturunan Bani Hashim haram menerima zakat. Manakala sesetengah Ulama Maliki dan Shafii berpendapat keturunan Bani Hashim harus berikan zakat sekiranya mereka miskin dan tidak mendapat bahagian daripada bahagian harta zawil qurba dan Baitulmal.

Selain itu, kriteria sihat tubuh badan tetapi malas berusaha juga merupakan syarat untuk pertimbangan bantuan zakat dalam Islam sebagaimana sadba Rasulullah saw yang bermaksud:

“Sedekah (zakat) tidak halal untuk orang kaya atau yang mempunyai tubuh sasa (mampu bekerja) - (Riwayat Imam at – Tirmizi)

Walaupun begitu, syarat ini tidak dijadikan sebagai syarat wajib dalam permohonan bantuan zakat yang diamalkan oleh MAIN dan AMZ. Kriteria ini perlu diberikan perhatian bagi tujuan mengelakkan umat Islam menjadi malas berusaha dan bergantung kepada bantuan kebajikan daripada MAIN dan lain agensi pemberi bantuan. Namun sekiranya seseorang yang sihat dan kuat tubuh badannya tidak mampu menghasilkan pendapatan yang mencukupi daripada pekerjaannya maka ia harus untuk menerima zakat. Menurut Imam Nawawi, seseorang yang kuat tubuh badannya tetapi tidak berjaya mencari pekerjaan untuk menghasilkan pendapatan maka ia serupa dengan orang yang lemah dan harus menerima zakat.

6.0 ELEMEN DALAM HAD AL-KIFAYAH

MAIN dan AMZ dalam membuat pertimbangan untuk menentukan sesuatu kadar Had Kifayah bagi penerima bantuan zakat di kalangan asnaf fakir dan miskin telah menetapkan beberapa elemen untuk dijadikan ukuran. Elemen atau item utama ialah;

- i. Makanan, merupakan keperluan utama bagi setiap individu yang termasuk dalam masalah daruriyah yang mesti dimiliki oleh seseorang bagi menjamin maksud maqasid syariah iaitu untuk hifz nafs (memelihara nyawa). Ia juga termasuk dalam kategori kemudahan asas hidup seseorang individu. Ulama Mazhab Maliki meletakkan ukuran keperluan bagi makanan asasi ini ialah kecukupan dalam tempoh satu tahun yang juga menjadi ukuran menentukan fakir dan miskin.
- ii. Tempat tinggal, ia adalah keperluan asas hidup yang diperlukan oleh seseorang untuk menjamin kehidupan yang selamat dan sejahtera. Ia termasuk dalam perkara hifz mal (memelihara harta) dan hifz nasab (memelihara keturunan) yang sama pentingnya dengan makanan. Imam Shafii telah menjelaskan maksud keperluan hidup seseorang individu yang perlu ada dalam Had Kifayah termasuk perlindungan atau tempat tinggal untuk dirinya dan tanggungannya. Keperluan tempat tinggal ini termasuk menyediakan

rumah dan bayaran sewa rumah serta perkara yang berkaitan dengan penyediaan perlindungan yang diperlukan oleh seseorang dan tanggungannya.

iii. Pakaian, ia termasuk perkara penting dan utama dalam kehidupan yang dikategorikan sebagai hifz din (memelihara agama) dan hifz nasab (memelihara keturunan). Ini kerana pakaian adalah merupakan keperluan untuk menutup aurat dan mengelakkan daripada pandangan yang boleh membawa kepada keinginan hawa nafsu. Ini sebagaimana perintah Allah supaya menutup aurat dan melabuhkan tudung menutup dada bagi melindungi kaum wanita daripada keinginan nafsu lelaki. Firman Allah dalam surah an-Nur ayat 31 yang bermaksud :

“Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kehormatan mereka (daripada perkara yang haram), dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka, kecuali yang zahir daripadanya (wajah dan kedua-dua tapak tangan) dan hendaklah mereka menutupkan belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.”

Keperluan pakaian juga bertujuan untuk kesempurnaan ibadah dimana menutup aurat adalah merupakan salah satu syarat sah ibadah seperti sembahyang dan haji serta umrah. Hukum menutup aurat adalah wajib sebagaimana ketetapan Allah dan rasul-Nya. Imam Hanafi menyatakan wajib menutup aurat ketika berada di khalayak ramai ataupun berseorangan.

iv. Kesihatan, ia adalah keperluan yang termasuk dalam kategori hifz nafs (memelihara nyawa) dan hifz din (memelihara agama). Anggota yang sihat akan menjamin kesempurnaan dalam melaksanakan ibadah seperti solat, puasa dan haji. Begitu juga keperluan untuk memelihara kesihatan adalah untuk menjamin tubuh yang sihat dan kuat serta mampu untuk mencari nafkah diri dan tanggungannya serta berjihad fi Sabilillah.

v. Pendidikan, ia adalah suatu keperluan utama dalam memastikan seseorang memahami akan hukum hakam dalam Islam serta menjauhkan daripada syirik kepada

Allah. Keperluan pendidikan ini termasuk yang bersifat fardhu ain dan fardhu kifayah. Pendidikan dapat menjauhkan manusia daripada kejahilan dan dengan ilmu pengetahuan maka manusia mampu untuk mentadbir alam ini dengan makmur dan sejahtera berlandaskan syarak. Ia termasuk dalam kategori hifz din (memelihara agama, hifz aql (memelihara akal) dan hifz nasab (memelihara keturunan). Menurut Ibn Khaldun, perbezaan manusia dengan makhluk lain adalah kerana manusia mempunyai keupayaan untuk berfikir. Dengan potensi pemikiran itu manusia dapat berinteraksi sesama manusia lain untuk tujuan-tujuan kesejahteraan hidup. Potensi pemikiran yang ada pada manusia juga membolehkannya dapat menerima ajaran-ajaran dari Allah SWT yang disampaikan oleh para nabi kepadanya.

vi. Pengangkutan, ia termasuk dalam kategori hajjiyyah iaitu keperluan bagi memudahkan menjalani kehidupan dan mengelakkan kesulitan serta kesukaran dalam kehidupan. Keperluan untuk pengangkutan pada masa sekarang bukan lagi menjadi tujuan untuk menunjukkan kemewahan tetapi ia telah menjadi keperluan yang perlu ada bagi individu dan tanggungannya. Ia perlu untuk memudahkan ke tempat kerja, mendapatkan bahan makanan, menuntut ilmu dan sebagainya.

Enam elemen iaitu makanan, kediaman (tempat tinggal), pakaian, kesihatan, pendidikan, pengangkutan adalah merupakan elemen utama yang menjadi ukuran dan penilaian MAIN dan AMZ dalam menentukan kadar Had Kifayah. Selain daripada enam elemen tersebut terdapat juga keperluan untuk memasukkan elemen tambahan sebagai pelengkap kehidupan yang selesa iaitu utiliti dan komunikasi (Azman, 2016). Di negeri Pahang perbelanjaan bagi utiliti dimasukkan dalam elemen pengiraan Had al Kifayah.

7.0 PENGIRAAN HAD KIFAYAH

MAIN dan AMZ dalam membuat penilaian dan pengukuran Had Kifayah untuk menentukan keperluan seseorang individu dan menentukan asnaf sama ada fakir dan miskin maka enam elemen menjadi asas iaitu makanan, kediaman, pakaian, pendidikan, kesihatan dan pengangkutan akan diambil kira dalam pengiraan kadar Had Kifayah. Disebabkan ia adalah merupakan bidang kuasa pihak agama negeri maka didapati kadar Had Kifayah setiap negeri adalah berbeza sekiranya dibandingkan dengan pengiraan oleh EPU yang lebih seragam dalam membuat penentuan miskin dan miskin tegar berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Perbandingan Kadar Had Kifayah di Malaysia

Berdasarkan Isi Rumah 6 Orang (Suami dan Isteri, 4 orang anak di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Sekolah Menengah, Sekolah Rendah dan Tadika)

Bil.	Negeri	Bandar (RM)	Luar Bandar (RM)
01	Johor	1,745.00	1,645.00
02	Pahang (Kadar Maksima) - Rumah – RM 400.00 maksima - Kesihatan- RM 300.00 maksima - Pengangkutan – RM 300.00 maksima.	2,146.00 (B) 1,746.00(TB)	sama
03	Melaka	1,440.00	sama
04	Perak	1,655.00 (B) 1,403.00 (TB)	1,157.00 (B) 959.00 (TB)
05	Pulau Pinang	1,110.00 (B) 950.00 (TB)	Sama
06	Selangor	2,040.00 (B) 1,715.00(TB)	1,640.00(B) 1,440.00(TB)
07	Wilayah Persekutuan	2,070.00 (B) 2,020.00 (TB)	Sama
08	Kedah	960.00 (B) 815.00 (TB)	Sama
09	Sabah	1,850.00	1,455.00

Sumber : *Konvensyen Zakat Kebangsaan 2016.*

(* B : Rumah Berbayar & TB: Rumah Tidak Berbayar)

Berlakunya perbezaan ketara dalam Had Kifayah antara negeri di Malaysia ini adalah disebabkan oleh perbezaan dalam menentukan kadar kecukupan bagi setiap item dalam pengiraan Had Kifayah. Contohnya dalam pengiraan keperluan Had Kifayah bagi item Kediaman;

Bil	Negeri	Bandar (RM)	Luar Bandar (RM)
01	Johor	400.00 (B) 400.00 (TB)	300.00 (B) 300.00 (B)
02	Pahang	Sebenar (Maksima 400.00) (B) 0.00 (TB)	sama
03	Melaka	-	-
04	Perak	312.00 60.00	234.00 36.00
05	Pulau Pinang	200.00 40.00	sama
06	Selangor	480.00 155.00	350.00 150.00
07	Wilayah Persekutuan	550.00 100.00	sama
08	Kedah	180.00 30.00	sama
09	Sabah	350.00 350.00	300.00 300.00

Sumber : Konvensyen Zakat Kebangsaan 2016.

(B : Rumah Berbayar & TB: Rumah Tidak Berbayar)*

Ketidak seragaman dalam penentuan kadar Had Kifayah ini tidak menunjukkan bahawa kaedah penilaian dan pengiraan Had Kifayah yang dilaksanakan oleh MAIN dan AMZ sebagai lemah dan tidak jitu. Hakikatnya kaedah pengiraan Had Kifayah adalah lebih tepat daripada penggunaan kaedah PGK dalam menilai kemiskinan kerana terdapatnya perbezaan kadar sara hidup di antara negeri di Malaysia.

8.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Kaedah penilaian untuk mengukur keperluan asasi seseorang individu berdasarkan kepada Had Kifayah adalah merupakan kaedah yang diguna pakai oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Agensi Mengurus Zakat Negeri untuk menentukan kelayakan seseorang asnaf fakir dan miskin. Pelaksanaan kaedah Had Kifayah ini lebih menepati kehendak syarak dengan mengambil kira keperluan individu berdasarkan masalah dan maqasid syariah. Pendekatan yang digunakan oleh MAIN dan AMZ dalam pengukuran keperluan hidup adalah berdasarkan keperluan minimum asasi bagi memenuhi masalah daruriyyah dan hajjiyyah. Kesemua negeri di Malaysia menerima pakai elemen atau item yang menjadi pertimbangan dalam Had Kifayah ialah makanan, kediaman, pakaian, pendidikan, perubatan dan pengangkutan. Disebabkan pengurusan zakat ditadbir secara berasingan antara negeri maka ia telah menyebabkan ketidak seragaman dalam menentukan kadar Had Kifayah bagi individu dan tanggungannya antara negeri-negeri di Malaysia. Oleh itu, bagi memastikan supaya hak asnaf fakir dan miskin sentiasa terbela dan dapat hidup dalam keselesaan sebagaimana tujuan daripada pensyariaan zakat, maka MAIN dan AMZ hendaklah sentiasa membuat penilaian dan penyelidikan dari masa ke semasa agar keperluan hidup asasi dapat dipenuhi dan tidak menjadikan umat Islam sebagai umat yang lemah dan sentiasa meminta-minta.

RUJUKAN

Al Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, Selangor, Yayasan Restu.

Al-Fanjari, Muhammad Shauqi (2010) *al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual*. Jil. 1. Wizarat al-Auqaf, <http://www.shamela.ws>.

al-Ghazali (1988). *Ihya' Ulum Ad-Din*, (Jilid. 7). Indonesia: Penerbit Asli.

Al Nawawi (t.t) *al Majmu' Sharh al Muhadhdab Lil –Shirazi*, Kaherah, al Matba'ah al Munirah.

Al-Rafi'i. (t.t). *Al-Mishbahul Munir*. Mesir, Darul Ma'arif. Al-Ramli, (973), Nihayatul Muhtaj, Kaherah, Darul Khutub al Alamiah.

Azman Ab Rahman, Hamizul Abdul Hamid, Ahmad Husni Abd Rahman (2018), *Kamus Mini Zakat*, Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Azman Ab Rahman & Hasanah Abd Khafidz, 2015, *Ensiklopedia Asnaf dan Skim Agihan Zakat di Malaysia*, Nilai, USIM.

Azman Ab Rahman, 2016, *Had Kifayah Zakat di Malaysia*, Makalah Konvensyen Zakat Kebangsaan 2016, 11 -12 Oktober 2016, Universti Sains Islam Malaysia (USIM).

Baharudin Sayin, AZri Bhari & Mohd Afandi Mat Rani, 2017, *Analisa Had Kifayah Di Malaysia*, makalah Muzakarah Zakat Kebangsaan, USIM.

Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat, 2007, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pahang

Fatwa Negeri Pahang 2012, Jabatan Mufti Negeri Pahang.

Hairul Nizam & Siti Norhidayah (2017), *Pendekatan Zakat di Malaysia , Satu Penilaian Analisis Gelagat* ,makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia kali ke 12 2017, (PERKEM 12), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasanah, 2017, *Pentafsiran Asnaf Zakat di Malaysia Mengikut Masa dan Tempat*, Nilai, USIM.

Jawhar (2009), *Manual Pengurusan Zakat*, Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri.

Mahmud Zuhdi (2001), *Falsafah Agihan: Keberkesanan dan Pengagihan Zakat*, kertas

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Majalah Ar Risalah.

Mansor Bin Sulaiman, Hasan Bin Ahmad, Ahmad Irfan Bin Ikmal Hisham, Noradilah, Md.Nordin& Saharudin , Ramli (2017), *Hal al-Kifayah Sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang Dalam Sesebuah Masyarakat Suatu Tinjauan Kritis*, International Journal Of Humanities Technonology and Civilization (IJHTC) 2 (1) pp. 34-44 ISSN 2289-7216.

Manual Pengurusan Agihan Zakat (2007), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri.

Mokhtar Shafie (2005), *Peranan Zakat Dalam Membentaras Kemiskinan*, Makalah Seminar Perincian Asnaf Penerima Zakat pada 22-24 Ogos 2005, JAWHAR.

Muhammad A. Shahbudin. (1997). *Peringatan Dan Perkhabaran Untuk Si Miskin Dan Si Kaya*. Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.

Perlembagaan Persekutuan

Rafael Perez Ribas & Ana Flavia Machado. 2007. *Distinguishing Chronic Poverty from Transient Poverty in Brazil: Developing a Model for Pseudo-Panel Data*. Working Paper #36 [http:// www.ipc-undp.org/pub/IPCWorkingPaper36. pdf](http://www.ipc-undp.org/pub/IPCWorkingPaper36.pdf).

Rif'at Abd Al Latif Masyur (2002), *Zakat Penjana Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publishers

Syamsuddin Muhammad bin Abul Abbas Ahmad bin Hamzah Syihabudin Ar Ramli, 2003, *Nihayah al-Muhtaj*, Beirut, Darul Kutub Al Ilmiyah.

Uwais, Abd al-Halim (2004) *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*, c.1, Mansurah: Dar al-Wafa'

Unit Perancang Ekonomi (EPU), 2014, *Laporan Tahunan Kesejahteraan Rakyat 2014*, Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Wahbah al Zuhaili, 1995, *Fiqh & Perundangan Islam*, Terj Md. Akhir Haji Yaaacob et.al, Kuala Lumpur ,DBP.

Yusuf al-Qardawi, 1986, *Hukum Zakat*, Jakarta, litera AntaraNusa.